

D473

U B304 BAH

MAHATHIR - MCA

(1)

KUALA LUMPUR, 6 DIS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA PRESIDEN MCA ENCIK TAN KWON SWAN YANG MENEMUINYA BARU-BARU INI TIDAK MENGEMUKAKAN APA-APA PERAKUAN MENGENAI PERUBAHAN PERWAKILAN PARTI DALAM KERAJAAN.

+BELIAU TIDAK KATAKAN APA-APA (MENGENAI PERKARA ITU) KEPADA SAYA,+ KATA PERDANA MENTERI KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MENYAMPAIKAN DIPLOMA KEPADA GRADUAN KOLEJ KAKITANGAN ANGKATAN TENTERA DI BANGUNAN PARLIMEN DI SINI.

SEMALAM, ENCIK TAN MENAFIKAN KONONNYA BELIAU TELAH MEMBUAT PERAKUAN KEPADA PERDANA MENTERI MENGENAI BARISAN PARTI UNTUK JAWATAN KABINET.

BELIAU MENYIFATKANNYA SEBAGAI +SPEKULASI+ LAPORAN AKHBAR. LAPORAN ITU MENYEBUT BAHAWA BELIAU MENYERAHKAN SENARAI ITU KETIKA MENEMUI PERDANA MENTERI JUMAAT LALU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU TIDAK MEMBUAT APA-APA KEPUTUSAN BERHUBUNG DENGAN KEDUDUKAN MENTERI BURUH DATUK MAK HON KAM DALAM KABINET.

DATUK MAK, BEKAS PEMANGKU TIMBALAN PRESIDEN MCA, TIDAK BERTANDING DALAM PEMILIHAN PARTI BARU-BARU INI. BELIAU BAGAIMANAPUN TELAH DITAWARKAN SATU KERUSI DALAM JAWATANKUASA PUSAT PARTI.

KETIKA DITANYA SAMA ADA BELIAU AKAN MENIMBANGKAN PENYUSUNAN SEMULA KABINET, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA: +TERSERAH KEPADA KEADAAN.+ -- BERNAMA.

1456MST 06 12 85